

PANDUAN PELAJAR SJK DALAM PENGUASAAN BAHASA MELAYU

JIKA dikaji dengan teliti, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan murid India tidak berupaya untuk menguasai imbuhan dengan baik.

Penggunaan imbuhan yang tidak tepat dan sesuai dalam pertuturan seharian

Masalah untuk mengecam dan mengklasifikasikan imbuhan mengikut jenis dan fungsi

Kurang mempunyai bahan alternatif aktiviti PdPc imbuhan

Pengaruh bahasa ibunda

Pengaruh aspek motivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua

ANTARA faktor murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) kurang menguasai imbuhan ialah penggunaan imbuhan yang tidak tepat dan sesuai dalam pertuturan seharian, masalah mengecam dan mengklasifikasikan imbuhan mengikut jenis dan fungsi serta kurang mempunyai bahan alternatif aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) imbuhan.

Situasi ini berlaku kerana murid di SJKT kurang pendedahan terhadap penggunaan imbuhan yang tepat dan kurang memahami konsep serta cara penggunaan imbuhan dengan betul. Sebenarnya, kesalahan ejaan yang banyak dilakukan oleh murid ialah pengimbuhan (Noor Zila, 2015). Selain itu, 89 peratus murid bukan Melayu lemah dalam penguasaan tatabahasa terutamanya aspek penggunaan imbuhan untuk membentuk kata kerja dan aspek kata nama terbitan (Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badusah dan Fairose Sulaiman, 2010).

Pada masa yang sama, murid India gemar menggunakan bahasa Tamil yang merupakan bahasa ibunda bagi memenuhi keperluan seharian dan bertutur dengan rakan mereka. Oleh itu murid India kurang menggunakan bahasa Melayu sama ada di dalam kelas ataupun di luar kelas. Sikap kurang memberi penekanan terhadap penggunaan bahasa Melayu menyebabkan tahap penguasaan imbuhan dalam kalangan murid India amat membimbangkan. Mereka beranggapan bahasa Melayu tidak penting dan tidak perlu mempelajarinya. Natijahnya, murid India kurang berusaha untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan kurang memberi tumpuan terhadap imbuhan. Murid India mempelajari bahasa Melayu hanya kerana bahasa ini merupakan subjek yang diwajibkan dan mereka hanya mahu lulus dalam peperiksaan. Mereka bertanggung penguasaan bahasa Melayu tidak penting kerana penggunaannya yang tidak meluas dalam kalangan rakan mereka kerana bahasa Tamil ialah bahasa ibunda mereka.

Pelbagai faktor yang boleh dikaitkan dengan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua murid India. Kegagalan untuk menguasai bahasa kedua bukan sahaja akan mempengaruhi prestasi murid India dalam peperiksaan subjek tersebut, malah murid juga akan mengalami kekangan dalam berkomunikasi pada masa hadapan. Dalam hal ini, faktor sosial merupakan antara faktor yang sangat mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua murid India. Jika dilihat dengan lebih mendalam, faktor sosial merangkumi beberapa aspek seperti rakan, keluarga, persekitaran sekolah, motivasi dan sikap murid. Berikutan itu, faktor sosial yang paling mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ialah faktor motivasi murid. Murid India cenderung mengatakan aspek motivasi lebih mempengaruhi mereka berbanding aspek sosial yang lain. Murid yang mempunyai motivasi untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan bahasa membolehkan mereka menguasai bahasa kedua mereka dengan lebih



Jika lemah bertutur dalam bahasa Melayu boleh mengganggu proses pembelajaran murid.

mudah (Zamri, Ruslin dan Mohamed Amin 2015). Hal ini menggambarkan murid memerlukan strategi dan minat untuk mempelajari dan menguasai bahasa kedua dengan lebih mudah, cepat dan berkesan (Zamri 2016).

Imbuhan merupakan satu daripada komponen tatabahasa dalam bahasa Melayu. Perkataan baharu biasanya dibina menerusi proses pengimbuhan. Oleh itu, imbuhan sering digunakan dalam penggunaan bahasa harian, khususnya bahasa Melayu sama ada melalui percakapan ataupun penulisan. Walau bagaimanapun, proses pengimbuhan ini kadangkala menjadi suatu proses yang agak sukar difahami oleh murid sekolah disebabkan proses ini turut meliputi aspek lain dan bersifat kompleks. Keadaan ini secara tidak langsung menimbulkan kekeliruan kepada murid, terutamanya murid SJKT.

Bukan itu sahaja, guru Bahasa Melayu SJKT berpendapat pencapaian bahasa Melayu dan kecemerlangan UPSR bergantung pada tahap penguasaan kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis semasa murid berada dalam tahap satu. Situasi ini jelas menunjukkan masalah penguasaan imbuhan harus diatasi dengan segera kerana kemahiran imbuhan menjadi tunjang dalam aspek tatabahasa atau dalam bahagian penulisan. Mereka berpandangan kelemahan

penggunaan imbuhan adalah disebabkan murid kurang memberi tumpuan sewaktu PdPc imbuhan dijalankan di dalam kelas. Situasi ini menyebabkan murid menggunakan imbuhan yang salah dalam bahagian tatabahasa dan penulisan. Semakan buku latihan memperlihatkan kelemahan murid untuk membina ayat dan menyampaikan idea untuk dikembangkan dalam karangan. Keadaan ini disebabkan kesalahan penggunaan imbuhan yang menyumbang kepada masalah struktur ayat.

Warga pendidik Bahasa Melayu juga mendapati masih terdapat murid yang sering melakukan kesalahan imbuhan awalan terutamanya imbuhan awalan meN- untuk membentuk perkataan. Murid sering kali keliru dan banyak melakukan kesalahan imbuhan awalan meN- yang merangkumi imbuhan me-, mem-, men-, meng-, meny- dan mence-. Pengimbuhan perkataan yang salah akan menyebabkan fungsi ayat berubah daripada makna sebenar yang ingin disampaikan. Senario ini menyebabkan kesukaran terhadap pemahaman pembaca malah menimbulkan maksud yang berbeza-beza. Murid didapati keliru dengan penggunaan imbuhan awalan meN- yang betul dan tepat. Kesalahan ejaan seperti kesalahan penggunaan imbuhan awalan kerap ditemukan (Noor Zila Md. Yusuf, 2015), malah kesalahan imbuhan

yang dilakukan oleh murid mencatatkan peratusan tertinggi (Nor Zaiton Hanafi *et al.*, 2008; Zamri dan Mohd Amin Embi, 2008). Antara kesilapan yang kerap dilakukan oleh murid dalam penggunaan imbuhan awalan meN- adalah seperti yang berikut:

- Alina mepotong sayur sawi. (salah)
Alina memotong sayur sawi. (betul)
- Jenny mempetik kacang panjang. (salah)
Jenny memetik kacang panjang. (betul)
- Suren menanam pokok bunga. (salah)
Suren, menanam pokok bunga. (betul)
- Halim mengkemas katilnya. (salah)
Halim mengemas katilnya. (betul)
- Hong Meng menyapu sampah. (salah)
Hong Meng menyapu sampah. (betul)
- John mengcat dinding kelas. (salah)
John mengecat dinding kelas. (betul)

Murid juga seringkali tidak dapat menyatakan imbuhan akhiran -an, -kan dan -i secara betul dan tepat, menggunakan serta membezakan perkataan berimbuhan yang terdapat dalam ayat atau petikan. Keadaan ini berlaku kerana murid kurang memahami konsep dan cara penggunaan imbuhan akhiran -an, -kan dan -i dengan betul. Oleh sebab itu, murid tidak dapat menyempurnakan imbuhan akhiran -an, -kan dan -i pada kata dasar dengan betul walaupun contoh telah diberikan. Yang berikut merupakan kesilapan yang lazim dilakukan oleh murid:

- Tuliskan Nisha sangat kemas. (salah)
Tulisan Nisha sangat kemas. (betul)
- Puan Lina belian nasi lemak dengan daun pisang. (salah)
Puan Lina belikan nasi lemak dengan daun pisang. (betul)
- Tolong baikan meja yang rosak itu. (salah)
Tolong baiki meja yang rosak itu. (betul)

Bukan itu sahaja, masalah utama yang dihadapi oleh murid dalam imbuhan apitan ialah mereka tidak dapat membezakan meN-.....-kan dengan meN-.....-i. Keadaan ini menyebabkan murid melakukan banyak kesalahan semasa membina ayat. Contohnya:

- Nordin menziarahkan datuk dan nenek di kampung. (salah)
Nordin menziarahi datuk dan nenek di kampung. (betul)
- Encik Surya sedang menghiasi ruang tamu dengan belon. (salah)
Encik Surya sedang menghiasikan ruang tamu dengan belon. (betul)

Murid juga selalu keliru dengan penggunaan imbuhan pinjaman yang tepat dan sesuai mengikut keadaan. Dalam hal ini, murid tidak dapat membezakan imbuhan pinjaman -wan. Pada pendapat mereka, imbuhan pinjaman -wan digunakan untuk melambangkan golongan lelaki. Akan tetapi mereka tidak mampu mengkategorikan istilah jelitawan sebagai wanita yang jelita sebaliknya murid beranggapan jelitawan bermaksud lelaki yang jelita. Murid juga gagal untuk membezakan penggunaan 'di' yang berfungsi sebagai kata sendi nama dan imbuhan awalan. Kekeliruan ini menyebabkan kata sendi nama 'di' ditulis rapat dengan perkataan yang mengikutnya manakala imbuhan awalan 'di' ditulis terpisah daripada perkataan selepasnya. Misalnya:

- Dia bermain dipadang. (salah)
Dia bermain di padang. (betul)
- Bola di tendang oleh Si Comel. (salah)
Bola ditendang oleh Si Comel. (betul)

Pengimbuhan merupakan proses pembentukan kata yang ada dalam bahasa Melayu yang mudah sifatnya. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan bentuk kata yang ada dalam bahasa Melayu dibentuk dengan proses pengimbuhan. Setiap murid didapati melakukan kesilapan dalam aspek imbuhan



*Dia bermain di padang.
(ayat betul)*

awalan, akhiran, apitan dan imbuhan pinjaman kerana mereka keliru dan tidak begitu memahami penggunaan imbuhan dengan betul. Di samping itu, sebagai akibat kurangnya pengetahuan terhadap penggunaan imbuhan dalam bahasa Melayu menjadikan murid menghasilkan imbuhan yang tidak tepat, lantas menjejaskan makna yang ingin disampaikan. Oleh sebab itu, penggunaan imbuhan bahasa Melayu menjadi masalah utama kepada murid SJKT.

Jelaslah bahawa murid sekolah Tamil memang menghadapi masalah dalam penguasaan imbuhan. Ketidakfahaman penggunaan imbuhan dengan tepat menyebabkan mereka menggunakan imbuhan dengan sewenang-wenangnya ketika menulis ayat dan petikan. Oleh itu, pendekatan dinamik yang merupakan titik tolak terhadap inovasi dalam pendidikan harus dilakukan untuk meningkatkan pengetahuan murid dalam penguasaan imbuhan.

Beberapa strategi wajar diambil oleh pihak yang berpengaruh dalam usaha meningkatkan penguasaan imbuhan dalam kalangan murid SJKT. Oleh itu, bagi mencapai matlamat yang dihasratkan dalam pelaksanaan PdPc imbuhan, usaha penambahbaikan secara bersepadu harus diambil oleh semua pihak yang terlibat seperti yang berikut untuk memberi sumbangan kepada aspek pendidikan bahasa Melayu dan pembangunan modal insan:

Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya merupakan pihak yang amat prihatin terhadap pembelajaran murid SJKT. Keprihatinan kementerian ini dapat dilihat apabila banyak lawatan ke SJKT bagi memantau pelaksanaan PdPc Bahasa Melayu. Usaha menempatkan bilangan guru Bahasa yang mencukupi di sekolah terutama guru Bahasa Melayu sangat penting untuk meningkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa Melayu. Kekurangan guru Bahasa Melayu antara faktor kemerosotan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, usaha menambah bilangan guru terlatih mengikut opsyen bahasa Melayu merupakan tindakan utama sebagai usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid.

Usaha memartabatkan bahasa Melayu merupakan langkah yang wajar kerana mampu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu terutama dalam kalangan murid bukan Melayu. Kementerian juga diharapkan dapat mempelbagaikan bahan latihan untuk subjek bahasa Melayu, memperkenalkan kaedah baharu dalam kemahiran bahasa Melayu dan

menambah bahan bantu mengajar bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik. Penggunaan bahan pengajaran bersifat konkrit seperti kit inovasi imbuhan dapat dijadikan panduan oleh murid dan guru dalam PdPc imbuhan.

Begitu juga, pembuat dasar seharusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan PdPc bahasa Melayu. Mereka perlu mengadakan lebih banyak kursus secara komprehensif dan berkala untuk memberi pendedahan kepada guru dan pentadbiran pendidikan tentang penggunaan kit sokongan dalam penguasaan imbuhan. Mereka bukan sahaja bertindak untuk memberi kursus, malahan melaksanakan PdPc imbuhan berbantuan kit inovasi imbuhan secara praktikal seiring dengan penyampaian maklumat bagi meningkatkan lagi kefahaman dan kemahiran guru.

Pihak pentadbir sekolah juga perlu menganjurkan kursus dalaman untuk membantu guru Bahasa Melayu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk melaksanakan kit inovasi imbuhan melalui perkongsian ilmu dalam kalangan guru. Guru yang didedahkan dengan kursus pengaplikasian kit inovasi imbuhan pada peringkat sekolah boleh dilantik menjadi mentor kepada guru yang kurang berpengalaman dan berpengetahuan untuk melaksanakan kit inovasi imbuhan di bilik darjah. Usaha ini secara tidak langsung dapat mengurangkan jurang pengetahuan guru tentang penggunaan kit inovasi imbuhan dalam PdPc imbuhan. Pentadbir juga seharusnya menjalankan


proses pementoran, pengesanan, pemantauan dan penyelarasan (4P) dengan lebih berkesan di sekolah.

Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) terlebih dahulu seharusnya dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi berbanding dengan guru di sekolah. Mereka perlu mengadakan sesi penataran pada peringkat negeri dan daerah dengan lebih berkesan supaya tidak berlaku ketirisan atau kecairan maklumat tentang pengendalian kit inovasi imbuhan dalam kalangan guru di sekolah. Mereka juga perlu melaksanakan penjaminan kualiti 4P dalam kit inovasi imbuhan dengan lebih kerap dan konsisten.

Jurulatih utama yang dilantik dalam kalangan guru perlu sentiasa bersedia bekerjasama dengan pegawai pentadbir dalam pendidikan untuk memberi latihan kepada rakan guru di sekolah tentang pelaksanaan kit inovasi imbuhan. Di samping menjadi jurulatih, mereka juga berperanan menjadi mentor kepada rakan guru yang kurang berkemahiran dan berpengetahuan untuk mengaplikasikan kit inovasi imbuhan dalam PdPc imbuhan di kelas.

Guru perlu menyedari hakikat bahawa pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan murid SJKT tidak hanya dilihat sebagai mata pelajaran akademik yang memenuhi tuntutan kurikulum, tetapi turut mempelajari budaya masyarakat yang menuturkannya. Kajian ini juga membantu guru dalam mengenal pasti proses PdPc Bahasa Melayu yang dapat dilakukan bagi mengintegrasikan kemahiran pada abad ke-21. Bagi memastikan modal insan yang dihasilkan melalui bidang pendidikan yang mempunyai kualiti seperti yang diharapkan, guru perlu mengubah suai pendekatan PdPc mereka dengan memberi lebih penekanan terhadap pengajaran yang lebih menggalakkan kerjasama yang lebih baik antara murid. Selain itu, guru juga perlu menggalakkan murid mengeluarkan idea, mengintegrasikan teori dan amali dalam pengajaran dan menyediakan bahan pengajaran yang lengkap.

Walaupun sudah bertahun-tahun bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa



Ibu bapa perlu bertutur dalam bahasa Melayu untuk menggalakkan anak meningkatkan keupayaan berbahasa Melayu.

pengantar di sekolah, bahkan sebagai mata pelajaran wajib, semakin banyak murid yang gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik. Bertitik tolak daripada pernyataan tersebut, guru perlulah memainkan peranan yang penting bagi menarik minat dan mengubah persepsi murid supaya lebih positif terhadap bahasa Melayu. Guru perlu mengambil kira cara dan gaya belajar untuk membantu murid-murid mempelajari bahasa dengan mudah, cepat dan berkesan teknik PdPc yang digunakan oleh guru perlulah menarik minat supaya mampu menggalakkan tumpuan dengan lebih lama.

Pada masa yang sama, kaedah dan pendekatan yang bersesuaian perlu dirancang dengan teliti supaya memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Sedar atau tidak, guru mangkin dan tunggak utama terhadap kejayaan pengintegrasian bahan bantu mengajar (BBM) dalam pendidikan melalui proses. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidik berkemampuan untuk menggunakan permainan bahasa secara berfikir, terancang dan bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan proses dan keberkesanan PdPc guru Bahasa Melayu. Guru Bahasa Melayu hendaklah sedia untuk menerima perubahan anjakan paradigma untuk menggunakan kit inovasi imbuhan dalam PdPc imbuhan.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan mampu memberi input berguna kepada ibu bapa tentang kit inovasi imbuhan yang mampu mendorong minat murid untuk mempelajari imbuhan dengan cara yang baik. Dengan wujudnya hubungan dua hala antara ibu bapa dengan anak, pembelajaran imbuhan menjadi lebih bekesan, lebih mudah, dan menyeronokkan murid.

Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu perlu diajar dengan betul dan berkesan. Murid SJKT perlu memanfaatkan pembelajaran di sekolah semaksimum mungkin supaya sikap serta motivasi mereka dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua meningkat. Murid SJKT juga perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi supaya dapat menguasai imbuhan dengan baik. Mereka harus bersikap positif dan bermotivasi tinggi untuk mempelajari bahasa utama ini.

Usaha murni untuk meningkatkan penguasaan imbuhan merupakan langkah yang wajar dilaksanakan kerana mampu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu terutama dalam kalangan murid bukan Melayu. Langkah ini juga merupakan tindakan yang positif kerana mampu memotivasikan murid, guru dan ibu bapa akan betapa pentingnya penguasaan bahasa Melayu setanding dengan bahasa ilmu yang lain. **PB**